

14/10/1999

Negara sukar maju jika tentera berpolitik: PM

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sesebuah negara sukar untuk maju dan menguruskan pentadbiran dengan lancar, jika ada tentera yang mirip kepada politik.

Mengulas tindakan pemimpin tentera Pakistan Jeneral Pervez Musharraf menggulingkan kerajaan pimpinan Perdana Menteri Nawaz Sharif, Perdana Menteri berkata semua orang mesti menghormati pemimpin yang dipilih rakyat.

Dr Mahathir berkata, walau apapun kesalahan yang mungkin ada pada Sharif, "tetapi dia dipilih oleh rakyat."

"Jika ada yang tidak setuju dengan Nawaz Sharif, maka mereka harus tunggu sehingga pilihan raya diadakan," katanya.

Perdana Menteri dipetik Bernama sebagai berkata ketika pilihan raya mereka boleh menggunakan segala kemudahan demokrasi untuk memilih pemimpin yang baik.

"Tetapi mengambil alih kuasa dengan kekerasan adalah sesuatu yang tidak wajar dilakukan," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi Majlis Perniagaan Malaysia British yang diketuai pengerusi bersamanya Mirzan Mahathir dan Sir Patrick Gillam yang juga pengerusi Bank Standard Chartered.

Laporan dari Islamabad memetik Musharraf sebagai berkata beliau bertindak demikian bagi menyelamatkan negara itu daripada musnah dan akan mengumumkan dasar-dasarnya dalam tempoh terdekat.

Musharraf tidak memberi maklumat lanjut mengenai rancangan tentera bagi Pakistan selain tidak menyatakan apa yang akan dilakukannya terhadap Sharif, kata laporan itu.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan mengiktiraf pentadbiran Pakistan sekarang selepas penggulingan itu, Dr Mahathir berkata: "Kita kena tunggu sehingga kita dapati apa sebenarnya kedudukan kerajaan ini dari segi penerimaan oleh rakyat Pakistan."

Mengenai kedudukan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Islamabad, Perdana Menteri berkata ketika ini belum ada apa-apa maklumat bahawa keadaan di Pakistan membimbangkan.

"Jadi mereka akan terus berada di sana," katanya.

Ketika ditanya sama ada isu itu perlu dibawa ke perhatian Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Durban, Afrika Selatan awal bulan depan, Dr Mahathir berkata ia mungkin dibangkitkan dalam mesyuarat itu.

"Biasanya CHOGM akan memutuskan sama ada mereka akan iktiraf ataupun tidak dan kita akan berpandukan kepada keputusan CHOGM," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia akan mengikuti perkembangan politik di Pakistan dengan teliti, tetapi yakin hubungan baik antara kedua-dua negara selama ini dapat diteruskan tanpa sebarang masalah.

Beliau berkata, apa yang penting ketika ini ialah soal keselamatan dan keamanan yang diharap dapat dikekalkan, berikutan ramai rakyat Malaysia berada di negara itu.

"Ini adalah soal dalaman dan saya percaya Pakistan akan dapat keluar daripada keadaan yang dihadapi dengan mengetahui apakah kerajaan yang perlu dibentuk selepas ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran teater bertajuk 'Dejavu Seorang Perempuan' di Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (Matic) di sini.

Beliau juga berkata Malaysia tidak akan menyentuh mengenai kemungkinan

seorang pemimpin baru akan menggantikan Sharif kerana itu adalah masalah dalaman.

"Itu bukan kita untuk membuat keputusan, tetapi terserah pada Pakistan," katanya.

(END)